KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21/2/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo 21022022_17



ANGGOTA PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor menunjukkan *sugar glider* yang dirampas di Tumpat, Rabu lalu. – IHSAN PPM

Polis Marin rampas 30 ekor *sugar glider*, 2 burung kakak tua

TUMPAT – Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor merampas sebanyak 30 ekor *sugar glider* yang dipercayai diseludup ke negara ini di pangkalan haram Kebun, Sungai Mentua, di sini Rabu lalu.

Komander PPM Wilayah Tiga, Asisten Komisioner Norzaid Mohammad Said berkata, dalam serbuan pukul 9 malam itu, pihaknya turut merampas dua ekor burung kakak tua yang dipercayai dibawa masuk ke negara ini bersama haiwan tersebut.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan kedua-dua haiwan tersebut dianggarkan RM24,000.

"Semasa menjalankan rondaan rutin dengan bot di sempadan negara, anggota PPM melihat seorang individu sedang memunggah sesuatu dari tebing pengkalan haram tersebut dalam keadaan mencurigakan.

"Menyedari kehadiran bot ronda PPM, individu itu telah bertindak melarikan diri dengan sebuah kereta menuju ke jalan besar," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Norzaid memberitahu, pemeriksaan awal di lokasi telah menjumpai sebanyak 30 ekor *sugar glider* dengan 20 ekor berwarna putih, manakala selebihnya berwarna hitam dan dua ekor burung kakak tua.

Menurutnya, PPM tidak menolak kemungkinan kesemua binatang itu dibawa masuk dari negara jiran untuk dijual di pasaran tempatan.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.